

**Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan
Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirīn**

**The Privilege of Arabic as the Language of the Qur'an and the
Importance of Mastering It for the Mufassirīn**

Rahmah Binti Ahmad H. Osman (Main Author)
Dept. of Arabic Language and Literature, Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge, and Human Sciences, IIUM
rahmahao@iium.edu.my

Muhammad Ikram Abu Hassan (Corresponding Author)
Dept. of Curriculum and Instruction, Kulliyah of Education, IIUM
ikramhassan@iium.edu.my

Abstrak

Seorang Mufassir ibarat permata bagi umat Islam. Tugasannya amat penting dalam memberikan kefahaman yang benar terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang merupakan kalam Allah SWT. Memandangkan al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab dan memahami isinya perlu kepada tadabbur dan pemerhatian, maka kajian ini meneliti salah satu aspek terpenting yang perlu dikuasai oleh seorang mufassir iaitu mengetahui dan memahami bahasa Arab. Tujuan kajian ini ialah merungkai betapa pentingnya elemen bahasa Arab bagi seorang mufassir, selanjutnya meneliti betapa besar kesan bahasa Arab dalam memahami al-Quran. Begitu juga mengenal pasti ilmu-ilmu dasar dalam cabang ilmu bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh seorang Mufassir. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan mengumpul pandangan ulama tafsir dan bahasa Arab silam terhadap kepentingan menguasai dan memahami bahasa arab seterusnya mengkaji dan mengeluarkan kesimpulan darinya. Kajian mendapati bahawa memahami al-Qur'an merupakan suatu tuntutan terpenting dalam syariat Islam dan tidak boleh mencapai memahami al-Qur'an melainkan dengan menguasai bahasa Arab.

Article Progress

Received: 17 April 2022

Revised: 24 May 2022

Accepted: 28 May 2022

***Main Author:**

Rahmah Binti Ahmad H. Osman
Dept. of Arabic Language and Lit-
erature, Kulliyah of Islamic Re-
vealed Knowledge, and Human Sci-
ences, IIUM
rahmahao@iium.edu.my

***Corresponding Author**

Muhammad Ikram Abu Hassan,
Dept. of Curriculum and Instruc-
tion, Kulliyah of Education, IIUM
ikramhassan@iium.edu.my

Selain itu, dalam memahami al-Qur'an terdapat beberapa ilmu penting yang tersenarai sebahagian besarnya di bawah

cabang ilmu bahasa Arab. Di samping itu, hukum mendalami bahasa Arab merupakan Fardhu Kifayah bagi umat Islam.

Keywords: Mufassir, Bahasa Arab, Memahami al-Qur'an, Fardhu Kifayah

Abstract

A Mufassir is like a jewel for Muslims. His task is very important in providing a true understanding of the verses of the Qur'an which is the word of Allah SWT. Since the Qur'an was revealed in Arabic and understanding its contents is necessary to tadabbur and observation, then this study examines one of the most important aspects that need to be mastered by a mufassir which is to know and understand the Arabic language. The purpose of this study is to dismantle the importance of the elements of the Arabic language for a mufassir, further examine the great impact of the Arabic language in understanding the Qur'an. Similarly, identify the basic knowledge in the branch of Arabic language that needs to be mastered by a commentator. This study uses a descriptive method by collecting the views of scholars of tafsir and the Arabic language of the past on the importance of mastering and understanding the Arabic language and then study and draw conclusions from it. The study found that understanding the Qur'an is one of the most important requirements in Islamic law and cannot achieve understanding of the Qur'an except by mastering the Arabic language. In addition, in understanding the Qur'an there are some important sciences that are listed largely under the branch of Arabic language. In addition, the law of learning the Arabic language is Fardhu Kifayah for Muslims.

Keywords: Mufassir, Arabic, Understanding the Qur'an, Fardhu Kifayah

Pendahuluan:

Al-Quran merupakan mukjizat dari Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. "Al-Qur'an selalu dijadikan sebagai pedoman dalam setiap aspek kehidupan dan al-Qur'an merupakan kitab suci umat Islam yang selalu relevan sepanjang masa. Relevansi kitab suci ini terlihat pada petunjuk-petunjuk yang diberikannya kepada umat manusia dalam aspek kehidupan. Inilah sebabnya untuk memahami alQur'an di kalangan umat Islam selalu muncul di permukaan, selaras dengan keperluan dan tentangan yang mereka hadapi (Hujair and Sanaky, 2008)".

Menurut kajian: "Kemunculan tafsir Al Quran dilatarbelakangi oleh kedudukan al-Quran yang merupakan hudan li an-nas, al-Quran tidak mengemukakan pelbagai hal secara jelas, sebahagian besar ayat al-Quran

327 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassir

mengemukakan perkara pokok sahaja. Selain itu, terdapat pula landasan yang mendorong munculnya tafsir Al-Quran, iaitu tidak mungkin suatu aturan atau hukum yang terdapat di dalam al-Quran dapat diterapkan tanpa adanya pemahaman atasnya (Nur Zainatul and Latifah)”.

Memahami al-Quran dan mengamalkan isinya dalam kehidupan harian umat Islam merupakan tuntutan asasi bagi seorang Muslim bahkan umat Islam seluruhnya. Ini kerana tanpa al-Qur’an umat Islam bahkan umat manusia akan hidup tanpa panduan dari pencipta mereka umpama hidup di padang pasir yang kering kontang menuju kematian akibat gagal mencari arah selamat untuk keluar dari keadaan tersebut. Allah SWT telah mengurniakan manusia kelengkapan yang cukup untuk mencari arah yang selamat melalui pancaindera dan juga kitab agung yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW. Jika manusia berjaya menggabungkan kedua-dua kurniaan ini maka mereka akan selamat sampai ke destinasi yang abadi dengan selamat. Bahasa Arab merupakan elemen asasi dalam kitab agung al-Qur’an yang diturunkan dalam bahasanya meraiikan segala elemen-elemen bahasa yang terdapat dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, seorang mufassir yang ingin memahami al-Qur’an perlulah menguasai ilmu ini untuk memahami al-Quran.

Kajian literatur:

Bahasa Arab sebagai Bahasa Terbaik

Pada mulanya, bahasa Arab memperoleh nilainya yang tinggi kerana ia merupakan bahasa Nabi terakhir dan bahasa wahyu terakhir. Nabi Muhammad SAW yang paling dikasihi oleh Allah SWT ialah seorang berbangsa Arab. Demikian juga, al-Qur’an yang merupakan kalam Allah SWT dan risalah-Nya yang terakhir dan paling menyeluruh kepada sekalian alam diturunkan dalam bahasa Arab. Sungguh, Allah SWT mengetahui bahawa bahasa Arab ialah bahasa terkaya yang layak menjadi bahasa dunia, dan yang paling sesuai untuk menyampaikan risalah terakhir-Nya yang mutlak kepada seluruh alam. Oleh itu, Allah SWT menurunkan al-Qur’an dalam bahasa Arab. Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Qur’an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya (Al-Qur’an, Yusuf 12: 2).”

Ibn Kathīr menjelaskan ayat tersebut bahawa hal ini kerana bahasa Arab ialah bahasa yang paling luas dan fasih dalam menyampaikan dan menerangkan mesej. Ia juga bahasa yang terbaik dalam menyingkapkan makna-makna tersirat yang menyentuh perasaan orang dan memberikan kesan yang besar. Oleh itu, Allah telah menurunkan Kitab-Nya yang terbaik, dalam bahasa-Nya yang terbaik, kepada yang terbaik dalam kalangan Nabi-nya, melalui yang terbaik antara malaikat-Nya, semasa bulan-Nya yang terbaik, pada tempat yang terbaik di bumi. Oleh yang demikian, hanya kemuliaan yang meliputi al-Qur'an dari segenap segi dan aspek (al-Alfidāi). Pada ayat lain di dalam al-Qur'an, Allah berfirman:

“Iaitu al-Qur'an yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertaqwa (Al-Qur'an, al-Zumar 39: 28).”

Bahasa Arab sebagai Bahasa Sejagat

Penurunan al-Qur'an dalam bahasa Arab telah memberikan bahasa tersebut ciri-ciri yang bersifat global atau sejagat. Memandangkan Nabi SAW diutuskan kepada seluruh dunia dengan risalah al-Qur'an, setiap orang Islam di setiap pelosok dunia perlu mengetahui sedikit sebanyak bahasa Arab, sekurang-kurangnya untuk membolehkan mereka memenuhi kewajipan beribadat. Firman Allah SWT:

“Dan tiadalah kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu) (Al-Qur'an, Saba' 34: 28).”

Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang unik, digunapakai di merata negara di dalam dunia. Menurut Abd Rauf:

“Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab iaitu Mesir, Sudan, Libya, Tunisia, Maghribi, Algeria, Arab Saudi dan selainnya. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah dan bahasa minoriti di negara seperti Nigeria, Iran dan Soviet Union (Abd Rauf, 2004)”.

tambahan beliau lagi:

329 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirîn

“Titik tolak kemajuan dan perkembangan pesat bahasa Arab ini bermula sejak penurunan al-Quran dalam bahasa Arab yang merupakan mukjizat yang paling agung di dunia ini. Justeru itu, bahasa Arab secara tidak langsung menjadi bahasa komunikasi seluruh umat Islam di dunia di samping hadis Rasulullah s.a.w.juga diabadikan dalam bahasa Arab. Semua ilmu Islam di peringkat permulaan ditulis dalam bahasa ini dan penyebaran dakwah Islam di seluruh dunia di peringkat awal juga menggunakan bahasa Arab (Abd Rauf, 2004)”.

Selain itu juga, Tidak dapat dinafikan bahawa setiap Muslim di dunia mesti membaca sebahagian daripada al-Qur’an dalam bahasa Arab setiap hari ketika solat lima waktu dan *nawāfil* (solat sunat). Demikian juga, sebahagian daripada ibadah haji juga mesti dilakukan dalam bahasa Arab, contohnya *al-Talbiyyah*. Selain itu, azan, pelbagai jenis zikir, dan beberapa ibadah lain juga mesti dilakukan dalam bahasa Arab. Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani

“Bahasa Arab bukanlah suatu bahasa yang asing bagi masyarakat Islam di Malaysia. Ia merupakan bahasa yang digunakan setiap hari oleh masyarakat Islam dalam menunaikan ibadat dan mempelajari ilmu agama (Kamarulzaman, 2017)”.

Oleh yang demikian, bahasa Arab diketahui secara meluas di seluruh dunia dan dituturkan di setiap ceruk alam. Bahasa Arab sudah pasti ditemui di mana sahaja seorang Islam ditemui. Menurut Buhori & Besse Wahidah:

“Selain disebut sebagai bahasa kitab suci Al-Qur`an dan hadis, bahasa Arab juga sering dinamai sebagai bahasa agama dan umat Islam, bahasa dhad (lughah ad-dhâd) dan bahasa warisan sosial dan budaya (lughah atturâts). Di samping itu, bahasa Arab tercatat sebagai bahasa nasional lebih dari 25 negara di dunia yang terletak di kawasan Timur Tengah, dan sebagian Afrika, serta menjadi salah satu bahasa resmi di Perserikatan Bangsa-Bangsa (PBB) (Buhori and Besse)”.

Tambahannya lagi:

“Menjelang munculnya Islam lahirlah bahasa Arab standar yang menjadi bahasa Lingua Franca (al-Lughah al-Musytarikah), cepatnya perkembangan bahasa Arab standar ini di sebabkan oleh

kebanggaan masyarakat terhadap bahasa tersebut, sehingga seakan-akan penguasaan bahasa itu akan menjadi syarat bagi yang ingin diakui menjadi orang terkemuka dalam masyarakat, sedangkan ciri bahasa Arab standar ini adalah derajatnya sangat tinggi dibanding dengan dialek-dialek atau percakapan mereka sehari-hari karena bahasa Arab standar ini jauh dari ciri-ciri yang bersifat kedaerahan atau yang ada kaitannya dengan daerah tertentu (Buhori and Besse)".

Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab

Berdasarkan kepada tajuk-tajuk yang lepas, kajian ini seterusnya menelusuri keunikan dan keistimewaan Bahasa Arab yang terdapat dalam Bahasa Arab. Ini seterusnya akan memberikan bukti terhadap kewajipan seorang mufassir mendalaminya.

Pertama: bahasa arab adalah bahasa yang kaya dengan kosa kata. Menurut Azhar Bin Muhammad

“Kosa kata dalam bahasa Arab merangkumi semua bidang dan lapangan. Ia dapat diperhatikan berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam kamus-kamus Arab. Dalam bahasa Arab, pembentukan satu perkataan sahaja boleh menunjukkan kepada beberapa makna. Contohnya perkataan ‘ain yang memberi makna kepada mata penglihatan, mata air, sebuah negeri, sebuah tempat, ketua kaum, ketua tentera, bermakna diri, bayaran sekali gus secara tunai, sejenis mata wang, pengintip dan huruf ‘ain. Bahkan terdapat perkataan-perkataan yang digunakan lebih daripada satu atau dua perkataan untuk menggambarkan kepada satu makna atau makna yang hampir (Azhar Bin Muhammad, 2005)".

Kedua: bahasa arab mempunyai kaedah analisis struktur ayat (i’rab) yang sempurna. menurut Mat Taib Bin Pa:

“ciri bahasa Arab yang paling utama ialah infleksi (al-I’rab). Ia ditakrifkan sebagai (perubahan baris akhir perkataan disebabkan oleh perubahan fungsi nahu di dalam ayat). Perubahan fungsi nahu ini mungkin berbentuk perubahan makna (Mat Taib)".

Menurut Azhar Muhammad:

331 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirīn

“Analisis ini digambarkan dalam bentuk perubahan baris-baris akhir perkataan hasil daripada perubahan struktur frasa atau fungsian perkataan itu sendiri. Perubahan-perubahan i’rab ini akan memberikan kesan kepada perubahan maksud perkataan dalam sesuatu susunan ayat. Analisis bahasa dan perubahan struktur frasa ini tidak terdapat dalam mana-mana bahasa di dunia. Contohnya perkataan “Muhammad” seperti dalam struktur frasa tertentu boleh dibaca dengan Muhammadun, Muhammadan dan Muhammadin kerana berada dalam struktur dan pola ayat yang berbeza (Azhar Bin Muhammad, 2005)”.

Ketiga: Bahasa yang ringkas.

“Bahasa Arab banyak menggunakan ayat yang ringkas dan tepat dalam menunjukkan kepada sesuatu maksud. Ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan teknik tertentu seperti membuang (hazf) beberapa perkataan dalam ayat-ayat tertentu tanpa mengubah maksud yang ingin disampaikan (Azhar Bin Muhammad, 2005)”.

Selain itu,

“Dalam al-Quran dan al-Hadith juga banyak mengandungi gaya bahasa perumpamaan dan perbandingan yang menjelaskan maksud ayat yang panjang berjela-jela hanya dengan menggunakan satu atau dua perkataan sahaja (Azhar Bin Muhammad, 2005)”.

Sebahagian pengkaji lain membahagikan keistimewaan bahasa Arab pada 4 sudut ringkasnya: Fonologi (علم الأصوات) iaitu sebuah ilmu yang mempelajari tentang penuturan bunyi bahasa, perpindahan dan penerimaannya. Sintaksis (علم النحو) ilmu tata bahasa arab yang mempelajari tentang bagaimana menentukan kedudukan satu kalimat dari segi i’robnya. Morfologi (علم الصرف) ilmu yang membahas dasardasar pembentukan kata, termasuk di dalamnya imbuhan. Semantik (علم الدلالة) kajian tentang makna, atau ilmu yang membahas tentang makna (Hasyim Asy’ari).

Namun perlu disebutkan juga bahawa antara sebab Bahasa Arab menjadi Bahasa yang unik dan unggul adalah kerana kesan al-Quran terhadapnya. Menurut Awaliyah Musgamy di antara kesan al-Quran kepada Bahasa Arab dapat dilihat dari beberapa perkara, antaranya al-Quran memperindah dan menghias Bahasa Arab, muncul makna-makna baru dalam lafaz Bahasa Arab, Bahasa Arab terjaga

dari terhapus, tersebar Bahasa Arab ke penjuru dunia, Bahasa Arab dikuatkan dengan disatukan pada lajjah (loghat) Quraisy, berkembangnya ilmu-ilmu Islam, dan muncul ilmu kaedah Bahasa Arab seperti Nahu dan Saraf (Awaliyah, 2014).

Tujuan al-Qur'an diturunkan adalah untuk difahami seterusnya diamalkan.

Al-Qur'an merupakan sebuah kitab akhir panduan bagi sekalian manusia. Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Qur'an bahawasanya tujuan ianya diturunkan adalah supaya manusia memahaminya melalui proses tadabbur dan selanjutnya mengamalkannya. Firman Allah SWT:

(Al-Quran, كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ
al-Sad 38:29)

Ertinya: (Al-Qur'an ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar¹.

Ibnu Kathīr berkata mengenai tafsiran ayat ini: “Hasan al-Basri berkata:

Demi Allah *tadabbur* bukan dengan menghafal huruf-hurufnya dan menyia-nyiakan batasnya. Seheinggakan seseorang berkata: aku telah membaca al-Qur'an seluruhnya, akan tetapi semua yang dibacanya itu tidak terlihat sedikit pun dalam akhlak dan amalannya (al-Alfidāi)”.

Dengan ini difahami bahawa membaca al-Qur'an sahaja tanpa memahami isinya dan mengamalkannya jauh sekali dari tujuan al-Qur'an diturunkan iaitu *tadabbur* yang diterjemahkan sebagai memahami dengan teliti, yang ditafsirkan oleh Hasan al-Basri sebagai memahami dan mengamalkan isinya.

Oleh yang demikian, tugas seorang *Mufassir* amatlah penting dalam kalangan umat Islam iaitu memahami ayat-ayat Allah SWT lalu

¹ Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

333 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassir

membentangkannya kepada umat Islam supaya difahami dengan baik selanjutnya diamalkan oleh mereka.

Menurut Nurul Zakirah Mat Sin (Nurul Zakirah, 2014), Kesedaran ilmu tadabbur amat penting diterapkan terhadap individu muslim agar masyarakat kembali kepada penghayatan al-Quran yang sebenar. Ini kerana sekiranya umat Islam tidak mampu menilai keistimewaan al-Quran sebagai anugerah yang memberi petunjuk yang benar, adakah mereka dapat memahami tuntutan kehidupan sebagai hamba kepada Penciptanya? Demikian itu, tadabbur menjadi suatu tuntutan dan ia perlu kepada panduan.

Perkembangan ilmu tafsir:

Menurut kajian, ilmu Tafsir berkembang mengikut keperluan semasa, di mana pada Sebelum Baginda SAW wafat, para sahabat dapat bertanya secara langsung pelbagai persoalan yang tidak jelas atau tidak difahami kepada beliau khususnya tentang al-Qur'an dan maknanya. Namun, setelah Baginda wafat para sahabat mula melakukan ijtihad terhadap pelbagai perkara termasuklah tafsiran al-Qur'an. Di antara para sahabat Nabi SAW yang banyak melakukan penafsiran atas al-Quran diantaranya Ali bin Abi Thalib, Abdullah bin Abbas, dan Zaid bin Tsabit. Dari beberapa sahabat Nabi SAW tersebut, ada yang menafsirkan dengan menggunakan bantuan syair-syair Arab pra-Islam yang menjadi rujukan asasi terhadap asal usul perkataan bahasa Arab yang tidak difahami oleh mereka (Nur Zainatul and Latifah). Ini menunjukkan ilmu Tafsir dipindahkan daripada generasi sahabat kepada generasi seterusnya. Termasuklah metodologi yang digunakan juga sebahagian besarnya digariskan oleh para sahabat.

Di samping itu juga, ilmu tafsir telah disesuaikan dengan setiap zaman dan telah lahir pelbagai metod tafsir. Menurut Hujair AH. Sanaky:

“Tafsir sebagai usaha untuk memahami dan menerangkan maksud dan kandungan ayat-ayat suci mengalami perkembangan yang cukup bervariasi. Katakan saja, corak penafsiran al-Qur'an adalah hal yang tak dapat dihindari. Corak penafsiran yang dikenal selama ini, antara lain [a] corak sastra bahasa, [b] corak filsafat dan teologi, [c] corak

penafsiran ilmiah, [d] corak fiqih atau hukum, [e] corak tasawuf, [f] bermula pada masa Syaikh Muhammad Abduh [1849-1905], corak-corak tersebut mulai berkembang dan perhatian banyak tertuju kepada corak satra budaya kemasyarakatan. Yakni suatu corak tafsir yang menjelaskan petunjuk-petunjuk ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan langsung dengan kehidupan masyarakat (Hujair and Sanaky, 2008)".

Tambahnya lagi:

“Corak penafsiran Qur'an tidak terlepas dari perbedaan, kecenderungan, inters, motivasi mufassir, perbedaan misi yang diemban, perbedaan ke dalaman [capacity] dan ragam ilmu yang dikuasai, perbedaan masa, lingkungan serta perbedaan situasi dan kondisi, dan sebagainya. Kesemuanya menimbulkan berbagai corak penafsiran yang berkembang menjadi aliran yang bermacam-macam dengan metode-metode yang berbeda-beda (Hujair and Sanaky, 2008)".

Bagi pandangan pengkaji, semua metod ini merupakan ijtihad oleh para mufassir bagi memudahkan pemahaman terhadap firman Allah SWT. Oleh itu, ia tidaklah terhad dan sentiasa menerima kaedah-kaedah baharu mengikut kesesuaian. Namun semestinyalah berpandukan kepada dasar-dasar ilmu tafsir terutamanya Bahasa Arab.

Dari sini lahirnya kepentingan kajian ini yang menengahkan tentang kepentingan ilmu Bahasa Arab bagi seorang mufassir. Tanpa Bahasa Arab, ilmu tafsir mungkin tidak berkembang dan tersebar luas sejak dahulu kala sehingga ke hari ini.

Dapatan Kajian

Perkaitan bahasa Arab dengan pemahaman al-Quran

Allah mengutuskan semua rasul dan nabi-Nya kepada kaum mereka dalam bahasa yang sama, ini menunjukkan betapa pentingnya hubungan antara menguasai satu bahasa dengan memahami mesejnya. Allah berfirman: “Dan kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Al-Qur'an, Ibrahim: 4).”

335 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirīn

Pemahaman nilai atau mesej al-Qur'an secara am memerlukan kemahiran tatabahasa Arab pada tahap yang tertentu, lebih-lebih lagi untuk seorang yang mahu menjadi seorang *mufassir* (seorang yang menerangkan isi kandungan al-Qur'an). Sebenarnya, generasi awal umat ini telah mencapai tahap ilmu pengetahuan dan pemahaman al-Qur'an yang tinggi oleh sebab kearifan dan ketegasan mereka akan tatabahasa Arab. Oleh yang demikian, apabila tahap kecekapan tatabahasa berkurang pada generasi seterusnya, tahap pemahaman terhadap al-Qur'an juga berkurang. Satu contoh yang biasa berkaitan dengan hal ini jelas terdapat dalam kalangan bangsa Arab sendiri pada situasi kini. Ramai orang Arab sekarang tidak dapat betul-betul memahami mesej risalah al-Qur'an walaupun sebenarnya ia tertulis di dalam bahasa ibunda mereka. Faktor kejadian ini adalah kerana tersebarnya bahasa pasar/pidgin Arab secara meluas di dunia Arab pada zaman sekarang. Jika mesej am al-Qur'an susah difahami tanpa kemahiran tatabahasa Arab, maka seseorang yang ingin menjadi *Mufassir* al-Qur'an memerlukan pemahaman tatabahasa yang tinggi.

Kepentingan menguasai 'ulūm al-Ālah bagi seorang Mufassir

Ilmu pengetahuan di dalam Islam terbahagi kepada dua kategori:

- (1) Kategori ilmu yang dikira sebagai alat (علوم الآلة) ('*ulūm al-Ālah*). Kategori ini terdiri daripada segala bidang yang berkaitan dengan tatabahasa Arab, sebagai contoh: *al-Naḥw*, *al-Ṣarf*, *al-Balāghah*...
- (2) Kategori ilmu yang dianggap sebagai objektif (علوم المقاصد) ('*ulum al-maqāsid*'), sebagai contoh: '*Aqidah*, *Tafsir*, *Hadith* dan *Fiqh*.

Kategori pertama yang dikira sebagai alat menjadi asas yang membantu penuntut ilmu untuk memahami objektif, seperti *Tafsir*. Berdasarkan ulama Islam yang menulis tentang adab menuntut ilmu, para penuntut ilmu amat digalakkan untuk bermula dengan ilmu alat dahulu yang menjadi mekanisme untuk mereka memperoleh pemahaman objektif yang lebih baik. Dalam aspek ini, langkah awal sebegitu sememangnya tidak wajar dilangkau.

Imam al-Shawkāni menjelaskan penuntut ilmu kepada tiga kategori di dalam bukunya "*Adab al-Ṭalab wa Muntahā al-Arib*":

1. Penuntut ilmu yang ingin menjadi seorang pakar atau berwibawa di dalam bidangnya, mendidik orang, dan menulis buku. Penuntut sebegini ialah ilmuwan *ummah*, iaitu *mufassir*, *muhaddith*, dll.
2. Penuntut ilmu yang memiliki tujuan untuk menjadi seorang yang berdikari dalam segenap segi berkaitan agamanya, di mana mereka akan mempunyai ilmu yang cukup untuk mereka memenuhi kewajipan setiap ibadah yang perlu mereka lakukan.
3. Penuntut ilmu yang bertujuan untuk memperoleh kadar ilmu yang membolehkan mereka untuk membaca al-Qur'an dan bahasa Arab dengan sebutan yang diterima, dan menguatkan daya intelektual mereka untuk mengelak daripada terpesong. Jadi, kebanyakan keputusan mereka dalam urusan agama bersumberkan ulama dan ilmuwan Islam.

Menurut al-Shawkāni, ketiga-tiga kategori penuntut ilmu di atas sangat perlu memulakan pencarian ilmu mereka dengan mempelajari tatabahasa Arab. Sesiapa yang ingin menjadi seorang *mufassir* sebenarnya telah memilih untuk menyampaikan kata-kata Allah dengan menyatakan tujuan dan objektif Allah melalui kalam-Nya. Individu tersebut termasuk di dalam kategori pertama penuntut ilmu; oleh itu, dia hendaklah sangat arif akan tatabahasa Arab. Shawkāni menyatakan bahawa sesiapa yang ingin mencapai tahap itu mestilah memulakan pelajaran mereka dengan '*ilm al-Nahw* dan *al-Ṣarf*'. Kedua-dua bidang ilmu tersebut mempunyai kaitan dengan penelitian tatabahasa Arab. Beliau menambah bahawa tiada sesiapa boleh menjadi arif akan ilmu pengetahuan Islam, seperti *Tafsīr*, melainkan jika dia telah mahir kitab-kitab tatabahasa Arab yang tertentu. Menurut beliau lagi, setelah menguasai tatabahasa Arab, penuntut ilmu harus melanjutkan pelajarannya kepada '*ilm al-Balāghah*', yang seterusnya membuka jalan untuk analisis mengikut konteks terhadap teks-teks Arab. Tidak syak lagi, tiada sesiapa boleh memahami makna al-Qur'an dengan baik tanpa ilmu yang cukup di dalam bidang-bidang yang disebut tadi. Setelah memperoleh pemahaman tatabahasa Arab yang lengkap sebagai alat, penuntut ilmu seterusnya layak untuk mula mempelajari ilmu *Tafsīr* (Muhammad). Tiada perselisihan antara ulama bahawa penguasaan semua bidang yang berkaitan dengan penelitian tatabahasa Arab ialah satu keperluan yang amat mustahak untuk memperoleh pemahaman yang benar, kesimpulan dan pengajaran yang betul daripada teks-teks Arab. Semestinya al-Qur'an ialah kalam yang paling suci antara teks tersebut.

Mempelajari bahasa Arab merupakan Fardhu Kifayaah

Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab ialah *fard kifāyah* dan ia sesuatu yang telah maklum. Jadi, ia sama ada satu suruhan atau pilihan kepada seluruh *ummah* untuk menjaga tatabahasa Arab dan memperbaiki sebutan yang terpesong daripada sebutan yang sebenar. Oleh itu, para *salaf* pernah menegur anak-anak mereka kerana kesalahan tatabahasa. Ini satu keperluan kepada kita dan sebab utamanya adalah untuk memelihara kaedah untuk memahami al-Qur'an (Ibn Taymiyyah). Oleh yang demikian, ibn Taymiyyah menjelaskan hubungan antara pemahaman bahasa Arab yang betul dengan pemahaman makna al-Qur'an.

Selain sarjana Islam, Annemarie Schimmel, seorang sarjana Barat turut menyatakan kepentingan mempelajari bahasa Arab bagi orang Islam, kenyataannya seperti berikut:

“Setiap muslim mengakui pentingnya abjad Arab, yakni huruf-huruf yang digunakan untuk mengungkap sabda abadi Allah SWT. Qur'an sendiri menjelaskan, “bahkan seandainya semua laut berupa tinta dan semua pohon merupakan pena, semuanya itu tidak akan cukup untuk menuliskan sabda Tuhan” (Surah 18:109) ...Mempelajari abjad Arab merupakan keharusan bagi setiap insan yang memeluk Islam, sebab huruf-huruf itu merupakan wahana pengungkapan....) (Schimmel, 1986).

Imam al-Shāṭibi berpandangan bahawa al-Qur'an diturunkan kepada nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab yang tulen dan bukannya dalam bahasa lain. Jadi, pemahaman al-Qur'an yang betul hanya dapat diperoleh melalui bahasa yang sama. Hal ini kerana bahasa al-Qur'an disusun berdasarkan kebiasaan dan kaedah orang Arab dengan cara penggunaan perkataan dan maknanya yang tertentu. Ia kelaziman bangsa Arab untuk membicarakan secara umum bagi yang bermaksud umum ataupun bagi yang bermaksud khusus, dan sebaliknya. Demikian juga, makna tersurat sesuatu ayat mungkin jelas, tetapi yang dimaksudkan ialah yang tersirat. Adakalanya, semua maksud itu boleh dicapai pada permulaan ayat, di tengah ayat, ataupun di pengakhiran ayat dalam sesetengah keadaan. Sesetengah ayat bahasa Arab hanya boleh difahami dengan makna atau tanda-tandanya sahaja. Dalam bahasa Arab, beberapa nama boleh diberikan kepada satu objek, contohnya singa mempunyai lebih kurang 10 nama, dan juga satu nama boleh diberikan kepada banyak

objek. Semua gaya bahasa ini sudah tentu diketahui dalam kalangan orang Arab dan sesiapa yang amat arif akan gaya bahasa Arab. Makna dan kaedah bahasa di dalam al-Qur'an sememangnya dibuat berdasarkan aturan ini. Oleh itu, lisan bukan Arab hampir tidak mungkin difahami berdasarkan lisan Arab, dan lisan Arab juga tidak boleh benar-benar difahami berdasarkan lisan bukan Arab, disebabkan oleh percanggahan kaedah dan penyusunan kata dalam kedua-dua bahasa. Al-Shātibī menyatakan bahawa Imam al-Shāfi'ī juga memberikan perhatian kepada fakta ini di dalam buku beliau "al-Risālah (Al-Shātibī, 1997)".

Makna Primer dan Sekunder dalam Bahasa Arab:

Tambahan pula, perkataan bahasa Arab dari segi tanda dan makna berfungsi dalam dua cara:

1. Makna Primer/Utama: makna yang pertama diperoleh daripada perkataan dan ungkapan bebas bahasa Arab.
2. Makna Sekunder/Tambahan: makna yang berfungsi sebagai pelengkap yang diperoleh daripada perkataan dan ungkapan yang terbatas dalam bahasa Arab.

Hampir semua pendengar boleh memahami maksud yang disampaikan oleh al-Qur'an kerana ia sentiasa membawa makna yang jelas dan tepat, sebagai contoh maksud yang dapat difahami melalui terjemahan al-Qur'an daripada bahasa Arab kepada bahasa lain. Misalnya, jika dikatakan (Zaid sedang berdiri) (زيد قائم), hampir semua pendengar boleh memahami makna ayat tersebut. Makna yang difahami di situ ialah makna utama.

Manakala, makna tambahan yang berfungsi sebagai pelengkap untuk makna utama ialah butiran yang memperincikan lagi makna bahasa Arab. Makna ini boleh digunakan sebagai topik utama, atau untuk menjelaskan keadaan, konteks, dan kaedah ungkapan, dengan menerangkan tahap (الإيضاح) kejelasan, atau (الإخفاء) kesamaran, atau (الإيجاز) keringkasan, atau (الإطناب) tautologi/perincian berlebihan, atau (استعارة/المجاز) alegori/metafora di dalam ayat. Sepertimana ayat yang sama (زيد قائم) boleh diungkapkan dengan cara lain, (إن زيد قائم), (زيد قائم), (إنما قائم زيد), (قد قائم زيد), (والله إن زيدا قائم), dll. Semua ayat berkisarkan maklumat tentang Zaid yang berdiri, tetapi setiap ayat membawa makna pelengkap yang sedikit berbeza. Tahap pengetahuan

339 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirīn

seseorang dalam aspek ini menentukan tahapnya dalam pemahaman makna al-Qur'an. Berdasarkan makna tambahan perkataan-perkataan Arab, suruhan, arahan, dan penceritaan diungkapkan dengan cara yang berbeza-beza di beberapa tempat di dalam al-Qur'an. Hanya seseorang yang amat arif akan bahasa Arab sahaja boleh mengeluarkan inti pati dan hikmah di sebalik ayat-ayat tersebut. Oleh itu, amat susah untuk menjadi seorang *Mufassir* tanpa ilmu bahasa Arab yang luas dan mendalam. Berdasarkan makna tambahan itu lagi, Ibn Qutaybah menafikan kemungkinan untuk mentafsirkan makna al-Qur'an kepada bahasa lain (Al-Shātībī, 1997). Sebenarnya, berdasarkan hal ini dan isu tatabahasa lain yang sama, kebanyakan perbezaan pendapat ulama mula muncul. Oleh yang demikian, terdapat beberapa perselisihan antara mereka pada arahan dan makna-makna teks al-Qur'an dan Hadith hanya kerana kata hubung (preposition). Sebagaimana perselisihan pada tugas huruf "Ba" di dalam ayat ini:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ...) (الآية، (المائدة: 6)

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadad kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapuluh sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.

Perkataan yang mengandungi lebih dari satu makna

Selain itu juga, Terdapat lafaz yang ditafsir berpotensi memiliki dua makna, sama ada persamaan di dalam kata atau kerana saling berkaitan satu sama lain. Sama ada musytarak atau persamaan dalam bahasa ataupun kerana mutawāṭi' atau saling berkomplot. contoh musytarak lughawī (persamaan bahasa atau kata) di dalam al-Qur'an adalah lafaz qaswarah yang terdapat di dalam firman Allah (farrat min qaswarah). Dikatakan bahwa qaswarah adalah pemanah. Ada pula yang mengatakan bahwa itu adalah singa. Dan ada pula yang mengatakan bahwa itu adalah anak panah. Contoh lain di dalam al-Qur'an adalah lafaz 'as'as yang terdapat pada firman Allah (wa al-lail izā 'as'as). Dikatakan bahwa kata 'as'as adalah bermakna adbara (mundur) dan pendapat lain mengatakan maju (Ahmad, 2017).

Sebagai contoh lain, Perbedaan bentuk-bentuk i‘rāb kalimat. Perbedaan ini berdasarkan pada perbedaan qirā’āt. Apabila dalam suatu lafaz terdapat lebih dari satu bacaan (qirā’ah), maka lafaz tersebut mengandung beberapa bentuk i‘rāb. Semisal firman-Nya: **فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ** (فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ) Terdapat dua bacaan sah pada ayat tersebut. Pertama, bacaan Ibnu Kasir: **(فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ)** Bacaan ini berimplikasi pada perubahan bentuk i‘rāb-nya, lafaz ādama dibaca naṣab sebagai maf‘ūl bih yang didahulukan, sementara kalimāt dibaca rafa‘ berposisi sebagai fā‘il yang diakhirkan. Kedua, bacaan imam qirā’āt sembilan lainnya: **(فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ)** Lafaz adamu dibaca ra’ berposisi sebagai fa‘il, sementara lafaz kalimat (jama‘ muannas salim) dibaca nasab sebagai maf‘ūl bih (Ahmad, 2017).

Oleh yang demikian, kajian ini melihat menjadi satu fardhu kifayah bagi seorang mufassir mendalami ilmu Bahasa Arab sebagai pembuka jalan bagi memahami al-Quran. Penguasaan ilmu alat ini akan menambahkan lagi pemahaman terhadap Bahasa Arab, sekaligus mendekatkan umat Islam dengan Maha Pencipta selain mencari gali penyelesaian al-Quran terhadap permasalahan semasa.

Kesimpulan:

1. Memahami al-Qur’an merupakan suatu tuntutan terpenting dalam syariat Islam dan tidak boleh mencapai memahami al-Qur’an melainkan dengan menguasai bahasa Arab.
2. Bahasa Arab merupakan bahasa yang paling unggul dan terbaik atas muka bumi ini kerana menjadi pilihan diturunkan panduan akhir kepada umat manusia melaluinya. Selain itu juga ianya merupakan bahasa sejagat umat manusia pada hari ini di seluruh pelosok dunia. Ini memberi isyarat bahawa mendalaminya bukanlah suatu yang mustahil namun memerlukan kepada usaha yang tinggi dan masa yang mencukupi.
3. Kelayakan seorang mufassir untuk mentafsir al-Qur’an adalah berdasarkan kelayakannya mendalami bahasa Arab sebagai elemen pertama dan utama, disamping ilmu-ilmu lain yang diperlukan untuk memahami al-Qur’an khususnya seperti ilmu nasakh mansukh asbab nuzul dan lain-lain.

341 Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufassirīn

4. Menguasai bahasa Arab beerti menguasai beberapa ilmu penting yang tersenarai di bawah cabang ilmu bahasa Arab yang dikategorikan sebagai (علوم الآلة) (*'ulūm al-Ālah*).
5. Kajian mendapati ulama silam menetapkan hukum mendalami bahasa Arab merupakan Fardhu Kifayah bagi umat Islam. Ini tidak lain kerana kesan besar bahasa Arab dalam memahami al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan umat Islam.

BIBLIOGRAPHY

Al-Qur'an al-Karim.

Abd Rauf Bin Dato' Hassan Azhari, Sejarah dan Asal-usul Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarah, *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 12(2): 135-141 (2004), Universiti Putra Malaysia Press, m/s 135.

Ahmad Atabik, Pengaruh Mazhab Mufassir Terhadap Perbedaan Penafsiran, m/s 61, *Journal of Islamic Studies and Humanities* Vol. 2, No. 1 (2017) 55-77, DOI: 10.21580/jish.21.2516.

al-Alfidāi Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, (Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī).

Al-Shātībī, *al-Muwāfaqāt*, (Dār ibn 'Affan) 1997.

Awaliyah Musgamy, Pengaruh Alquran Dan Hadits Terhadap Bahasa Arab, *Al-Hikmah Journal for Religious Studies*, Vol 15, No 1 (2014), Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat Universitas Islam Negeri Sultan Alauddin, H 38-39

Azhar Bin Muhammad, Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran, *Jurnal Teknologi*, 42(E) Jun. 2005: 61–76, Universiti Teknologi Malaysia.

Buhori & Besse Wahidah, Bahasa Arab Dan Peradaban Islam: Telaah Atas Sejarah Perkembangan Bahasa Arab Dalam Lintas Sejarah Peradaban Islam, <https://jurnaliainpontianak.or.id/index.php/alhikmah/article/download/822/431>.

Hasyim Asy'ari, Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Qur'an, *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam (Nidhomul Haq)* ISSN 2503-1481, Volume 1 (01) 21-28, H 24

Hujair A. H. Sanaky, Metode Tafsir: Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin, Al-Mawarid Edisi XVIII Tahun 2008.

Ibn Taymiyyah, Majmū‘ al-Fatāwā (Dār aḍwā’u al-Salaf).

Kamarulzaman, 2017 Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff, Ciri-Ciri Linguistik dalam Buku Teks Berbahasa Arab dan Hubungannya dengan Tahap Kebolehbacaan Teks di Malaysia, GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(3), August 2017 <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1703-10>, H 153

Mat Taib Bin Pa, Perbandingan Ciri-Ciri Umum Nahu Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu Dan Kaitannya Dengan Kesulitan Pelajar-Pelajar Melayu Mempelajari Bahasa Arab, Jurnal Bahasa Moden, <https://jml.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3813>, H 134

Muhammad bin ‘Alī al-Shawkāni Adab al-Ṭalab wa Muntahā al-Arib, (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah).

Nur Zainatul Nadra binti Zainol, Latifah binti Abdul Majid, Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah Saw, Sahabat Dan Taḥiīn. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/download/1392/939/>

Nurul Zakirah Mat Sin, Definisi Qawa’id Al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa’id Al-Tafsir, QURANICA, International Journal of Quranic Research, Vol.6, Issue. 1, June 2014, m/s 64, Centre of Quranic Research (CQR), University of Malaya, Malaysia

Schimmel, Annemarie (1986), Mystical Dimensions of Islam. U.S.A: The University of Carolina Press, h. 411.